

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-**

- a. bagaimana proses rasionalisasi dilaksanakan dan kenapa pula kegagalan terus berlaku dalam urus tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sehingga dilaporkan menanggung hutang mencecah RM50 bilion ; dan
- b. dengan berpandukan kepada Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil terhadap mereka yang bertanggung jawab yang mengakibatkan kehancuran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu utama 1MDB ialah *mismatch* (dengan izin) antara aliran masuk (*inflow*, dengan izin) daripada operasi perniagaan serta penjualan aset dengan aliran keluar (*outflow*, dengan izin) pembayaran faedah hutang (*debt interest*, dengan izin) dan *principal* (dengan izin). *Mismatch* (dengan izin) ini berlaku disebabkan oleh penangguhan pelan pelaksanaan IPO dan kesukaran penjualan tanah milik 1MDB akibat daripada pelbagai tohmahan, kritikan dan sebagainya yang dilemparkan terhadap 1MDB.

Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi. Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 1MDB setelah Pelan Rasionalisasi dilaksanakan adalah:

- i. Pembayaran semula hutang USD975 juta dan (*Debt for asset swap*, dengan izin) dengan IPIC di mana pelaksanaan kertas terma terikat (*binding term sheet*, dengan izin) dengan IPIC yang akhirnya akan akan mengurangkan jumlah hutang syarikat sebanyak kira-kira RM 16 bilion;
- ii. Lebih RM1 bilion tanah pembangunan di TRX telah dijual;

- iii. Penjualan 60% kepentingan di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada nilai tanah sebanyak RM12.35 bilion;
- iv. Penjualan 100% kepentingan di dalam syarikat Edra Global Energy Bhd (Edra) yang telah mengurangkan hutang berikut:-
 - a. Pemindahan RM7.43 bilion *inherited loans* (dengan izin).
 - b. Pembayaran awal : RM3 bilion hutang (*syndicated loan*, dengan izin) kepada bank-bank tempatan.
 - c. Pembayaran awal : RM2 bilion hutang kepada Marstan.
 - d. Pembayaran awal : USD150 juta kepada Exim Bank.
 - e. Pembayaran balik : RM950 juta pinjaman (*standby credit*, dengan izin) Kerajaan.
 - f. 1MDB kini mempunyai dana lebihan sebanyak RM2.3 bilion untuk kegunaan bayaran faedah hutang dan pembangunan infrastruktur; dan
 - g. 1MDB tidak mempunyai sebarang hutang bank atau hutang jangka masa pendek.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporan mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB.

Perincian cadangan yang terdapat di dalam laporan PAC antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Pemindahan hak milik Bandar Malaysia Sdn Bhd, TRX City Sdn Bhd, serta tanah di Air Itam dan Pulau Indah kepada MKD.
- ii. Pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB.
- iii. Memansuhkan Artikel 117, Memorandum dan Artikel 1MDB dan menukar semua rujukan daripada “Perdana Menteri” kepada “Menteri Kewangan”.

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan itu, MKD telah mengesahkan menerima tawaran peletakan jawatan Lembaga Pengarah 1MDB berkuat kuasa 31 Mei

2016 dan akan melantik Lembaga Pengarah yang baharu sementara Encik Arul Kanda akan kekal sebagai Presiden 1MDB sehingga notis selanjutnya.